



MINDA PEMBACA KOMENTAR AGAMA SASTERA KOLUMNIS LAIN-LAIN (RENCANA)

Pengurusan kewangan berhemat sokong capai matlamat WKB 2030

Mei 29, 2021 @ 10:30am



Mengukur kemampuan kewangan sebelum berbelanja adalah langkah bijak. - Foto hiasan

Situasi pandemik COVID-19 mencetus fenomena baharu dalam landskap ekonomi negara. Statistik Jabatan Perangkaan 2020 menunjukkan peningkatan penggunaan platform e-dagang dalam kalangan isi rumah sebanyak 23.3 peratus pada 2019, berbanding 11.3 peratus pada 2016.

Peningkatan peratusan dalam perbelanjaan isi rumah memberi impak kepada aktiviti ekonomi secara keseluruhannya, sama ada bagi memenuhi keperluan atau menuruti nafsu kehendak semata.

Justeru, penilaian kewangan secara holistik perlu dilaksanakan isi rumah bagi memastikan perbelanjaan dilakukan secara berhemat setiap masa. Ia memerlukan isi rumah celik mengenai pengurusan aliran tunai.

Dalam hal ini, kemampuan isi rumah mentadbir dan mengurus sumber pendapatan menjadi cabaran utama yang perlu difahami dan dikuasai secara istiqamah.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Hutang antara penyumbang masalah kesihatan](#)
- [KDNK mungkin susut berikutan pemotongan perbelanjaan - Pakar ekonomi](#)
- [Belanjawan berhemat tetap peduli rakyat](#)
- [Hutang isi rumah dijangka kekal pada paras berhemat](#)


Pengetahuan mengenai jumlah sumber pendapatan bersih, tanggungan hutang serta komitmen kewangan lain agenda wajib yang perlu diberi perhatian setiap masa. Ini tidak boleh dipandang remeh kerana ia memberi implikasi besar terhadap kedudukan nilai aliran tunai bersih isi

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 10m ['Duduk di rumah, stay at home' - PM](#)
- 19m [Geran Khas Prihatin PKS dinaikkan kepada RM1,500](#)
- 19m [Menteri, Timbalan Menteri sumbang tiga bulan gaji - PM](#)
- 21m [Utama pendekatan menyeluruh perangi pandemik](#)
- 23m [HOC dilanjutkan sehingga 31 Disember](#)
- 25m [RM100b pakej rangsangan masih dalam pelaksanaan](#)
- 28m [Potongan khas bagi pemilik bangunan yang mengurangkan sewa premis](#)
- 28m [Sektor terjejas terus nikmati diskaun bil elektrik](#)

VAKSIN



NASIONAL 7 jam yang lepas

[Semak alamat di aplikasi MySejahtera - KJ](#)



NASIONAL 8 jam yang lepas

[PPV mega: Kelantan harap bekalan vaksin tidak dikurangkan](#)



NASIONAL 9 jam yang lepas

[Vaksinasi trak bergerak di PPR, tapak binaan](#)



NASIONAL 10 jam yang lepas

[1,052,145 individu lengkap dos kedua vaksin](#)



NASIONAL Mei 30, 2021 @ 5:58pm

[12 sektor perkilangan boleh beroperasi](#)

rumah, malah menjadi penanda aras kesihatan kewangan bagi menguruskan perbelanjaan secara berhemat supaya tidak terperangkap dengan hutang.

Statistik Jabatan Insolvensi Malaysia berdasarkan sebab kebangkrutan 2014 sehingga 2018 menunjukkan hutang kerana pinjaman peribadi merekodkan angka tertinggi dengan 26,399 kes.

Pinjaman sewa beli kenderaan dan perumahan masing-masing mencatatkan 23,521 dan 13,400 kes. Statistik pinjaman tidak dibayar berdasarkan Sorotan dan Perangkaan Bulanan pada Februari lalu dikeluarkan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi kategori pembelian barangan pengguna RM2 juta, berbanding RM1.5 juta pada bulan sama 2020.

Oleh itu, disiplin diri yang tegas perlu dalam menguruskan kewangan isi rumah dengan lebih sistematik dan berhemat bagi menjamin kelestarian kewangan. Mengukur kemampuan kewangan sebelum berbelanja adalah langkah bijak bagi mengelakkan masalah defisit kewangan dan hutang dalam kalangan keluarga dan masyarakat. Umpama pepatah 'ukur baju di badan sendiri'.

Bagi mengukuhkan benteng kewangan isi rumah di Malaysia pula, kerajaan menerusi peruntukan Belanjawan 2021 berusaha menyokong kelestarian ekonomi negara dengan tiga matlamat teras, iaitu Kesejahteraan Rakyat, Kelangsungan Perniagaan dan Ketahanan Ekonomi.

Dalam menguruskan perbelanjaan kerajaan secara berhemat dalam pemulihan ekonomi negara secara holistik, kerajaan mengambil langkah berhati-hati.

Begitu telitinya kerajaan meneruskan agenda pemerkasaan ekonomi negara. Oleh itu, bagi merealisasikan agenda ekonomi yang mampan, kerajaan memperkenalkan Pelan Strategi 6R dengan mengambil kira elemen Ketegasan (*Resolve*), Ketahanan (*Resilient*), Menjana Semula (*Restart*), Pemulihan (*Recovery*), Memperkasa (*Revitalise*) dan Menyusun semula (*Reform*).

Pelbagai usaha pengukuhan ekonomi juga dirangka kerajaan. Antaranya mengadakan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) dilancarkan Perdana Menteri pada 17 Mac lalu yang menggariskan 20 inisiatif memperkasa ekonomi.

Kesimpulannya, pengurusan kewangan berhemat berupaya mengukuhkan ekonomi keluarga dan negara serta menyokong agenda kerajaan dalam mencapai matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.


Sesungguhnya, gelagat perbelanjaan berhemat dalam menguruskan kewangan memberi kesan signifikan kepada hasrat kerajaan



NASIONAL Mei 30, 2021 @ 5:22pm

Orang ramai tidak boleh pilih jenis vaksin - KJ

TRENDING



NASIONAL 37 minit yang lepas

RM2.1 bilion tambahan untuk Bantuan Prihatin Rakyat



ASIA 4 jam yang lepas

Ribuan Rohingya tunjuk perasaan bantah keadaan di pulau Bangladesh



KES 7 jam yang lepas

Tiga jururawat dikompaun RM4,000 langgar SOP PKP



SELEBRITI 8 jam yang lepas

Julie Faridah meninggal dunia



AMERIKA 9 jam yang lepas

Pelakon Tarzan antara 7 maut dalam nahas pesawat di AS

MYRESIPI



INFOMASI 9 jam yang lepas

Resepi Turun-Temurun, Ini Cara Buat Kuih Bakar Daging, Sedap & Mengenyangkan!



INFOMASI 9 jam yang lepas

Sambal Ikan Bilis Garing, Pedas & Rangup, Mudah Je Nak Buat Rupanya!



INFOMASI Mei 29, 2021 @ 8:13pm

Masih Dalam Mood Raya? Jom Cuba Red Pearl Cookies, Mudah & Lazat!



INFOMASI Mei 29, 2021 @ 8:12pm

Nasi Kari Tin Ayam Yang Mudah & Lazat, Memang Jimat Masa Lah!



INFOMASI Mei 27, 2021 @ 2:11pm

Ini Cara Mudah Buat Lontong Homemade, Tidak Perlu Beli Di Kedai Dah!

merencanakan aktiviti pertumbuhan ekonomi utama (KEGA).

Dengan kata lain, usaha memulihkan ekonomi negara pada tahap terbaik memerlukan gandingan semua pihak, bermula isi rumah hingga kepada urusan negara.

Prof Madya Dr Azwan Abdullah,

Felo Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

BERITA BERKAITAN



LAIN-LAIN (BISNES) Sep 26, 2018 @ 2:28pm

Ketidakseimbangan pasaran hartanah terus berlanjutan - BNM



MUKA 10 Mei 8, 2020 @ 10:12am

Manfaat pakej PRIHATIN sejahterakan ekonomi rakyat



LAIN-LAIN (BISNES) Mac 27, 2019 @ 5:03pm

Pendapatan isi rumah rendah punca sukar bayar balik pinjaman



NASIONAL Apr 28, 2016 @ 4:03pm

Paras hutang isi rumah 89.1 peratus daripada KDNK - Chua

Disyorkan untuk anda

Recommended by

Invest now \$ 250 in Companies like Netflix and get a...

Smart Invest

\$250 Investment in Companies like Amazon Could...

nextlanders.com

Malaysia: New "Lung Cleaning" Device Is Going...

AirPhysio

The Urban Environment Isn't Going Away, Say...

Mansion Global

Kota Bharu: 2021's SUV Prices Might Surprise...

SUV | Search Ads

Dwayne 'The Rock' Johnson Buys Georgia...

Mansion Global

Kota Bharu: Get Unsold cars from 2020 For A...

New Cars | Search Ads

See what full mouth dental implants may co...

Dental Implants | Search...



IKUTI KAMI DI:



BERITA

BHPLUS

Nasional

Kes

Politik

Pendidikan

Wilayah

SUKAN

DUNIA

HIBURAN

BISNES

RENCANA

WANITA

HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA

Foto

BHTV

Infografik

LANGGAN

Akhbar Digital

Akhbar BH

PERKHIDMATAN

Iklan Web

1Klassifieds

NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi